

LATIHAN KATA HUBUNG

Praktis Intensif 2

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kita hendaklah sentiasa berdoa kepada Tuhan _____ sentiasa dicucuri dan dilimpahi rahmat-Nya.
A demi C supaya
B lantas D sekiranya
- 2 Zarina berasa sangat gembira _____ suaminya menghadihkan seutas gelang tangan yang telah lama diidam-idamkannya.
A agar C apabila
B hingga D supaya
- 3 Rambut Geetha kelihatan kusut _____ dia baru bangun daripada tidur.
A lalu C untuk
B agar D kerana
- 4 "Saya berharap _____ awak dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu di asrama nanti," kata Salmi kepada Huda.
A agar C untuk
B kalau D hingga
- 5 Abang menonton televisyen _____ makan biskut di ruang tamu.
A jika C sambil
B lantas D kecuali
- 6 Perca kain yang bertaburan itu dikumpulkan _____ dimasukkan ke dalam tong sampah.
A lalu C maka
B agar D hingga

Praktis Intensif 3

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Promosi jualan kereta bukan sahaja tidak membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas, _____ membantutkan usaha menabung dalam kalangan masyarakat.
A tetapi C kerana
B malah D walaupun
- 2 Pencemaran sungai yang berterusan akan memusnahkan ekosistem sungai _____ menghapuskan fungsi ekologiannya.
A dan C agar
B lalu D bagi
- 3 Mamat suka membaca majalah berkaitan dengan sukan permotoran _____ adiknya lebih suka bermain permainan komputer.
A serta C malahan
B kecuali D manakala
- 4 Hartawan yang tinggal di banglo tersebut bukan sahaja sombong _____ suka menghina orang miskin.
A namun
B bahkan
C jangankan
D sedangkan
- 5 Siti merupakan pelajar yang amat rajin _____ disenangi oleh semua pelajar termasuklah para guru.
A dan C sambil
B agar D supaya
- 6 Lori pasir yang dipandu laju dan sarat dengan muatan itu terbabas _____ melanggar sebuah kereta dari arah yang bertentangan.
A lalu C serta
B jika D maka
- 7 _____ belajar dengan bersungguh-sungguh, Ani berdoa kepada Tuhan agar dia dapat menjawab soalan-soalan peperiksaan dengan tenang.
A Kalau C Apabila
B Setelah D Sekiranya
- 8 Perangai Nizam berubah menjadi nakal _____ dia bergaul dengan budak-budak nakal di sekolahnya.
A jika
B apabila
C semenjak
D sekiranya